

19 JUL 2002

Mahathir-Islam

MASYARAKAT ISLAM PERLU UBAH TANGGAPAN TENTANG ILMU

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ilmu pengetahuan boleh menjadi alat bagi memperkasakan masyarakat Islam jika mereka berjaya mengubah corak pemikiran mengenai perlunya mencari ilmu yang lain daripada ilmu agama.

Beliau berkata jika ini dapat dicapai dan disertai pula dengan tindakan untuk mengamalkan ilmu yang diperoleh itu, maka ia akan menjadi alat bagi memperkasakan masyarakat Islam.

Dalam ucap utamanya pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif 2002), Dr Mahathir berkata takrif yang betul tentang ajaran Islam mengenai usaha mendapatkan ilmu adalah sesuatu yang sangat penting.

"Kita tidak seharusnya membiarkan diri kita dipesongkan oleh takrif yang tidak betul tentang Islam sebagaimana yang mengakibatkan kita terlepas daripada revolusi perindustrian, menolak tenaga elektrik dan produk kejenteraan sehingga mengurangkan kemampuan kita untuk mempertahankan kepercayaan kita dan diri kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat Islam juga mesti membuang tanggapan kononnya pengetahuan yang perlu diperoleh hanyalah mengenai Islam.

"Sikap mengetepikan ilmu yang lain telah mengakibatkan kurangnya kemampuan kita dalam perindustrian, kemampuan kita untuk mencipta dan mengeluarkan senjata bagi menimbulkan rasa gerun di kalangan musuh dan mempertahankan diri kita.

"Kita mesti berhenti daripada memikirkan kononnya mendapatkan ilmu pengetahuan selain daripada ilmu agama tidak memberi manfaat di alam akhirat nanti," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masyarakat Islam hendaklah menganggapnya sebagai satu ibadat yang penting, satu suruhan agama yang tidak kurang pentingnya dengan mempelajari ilmu agama, dan sememangnya kebolehan untuk mempelajari ilmu agama pun bergantung kepada kemampuan mereka untuk mempertahankan diri.

Perdana Menteri juga bercakap mengenai persepsi yang sempit tentang ilmu pengetahuan, dengan mengatakan bahawa Islam tidak boleh dipersalahkan terhadap wujudnya takrif seperti itu yang mengakibatkan masyarakat Islam ketinggalan dalam banyak bidang ilmu yang sebenarnya penting untuk kesejahteraan hidup mereka.

"Sememangnya ilmu pengetahuan boleh menjadi alat untuk memperkasakan kita daripada segi politik tetapi ilmu semata-mata tidak akan membawa kita ke mana-mana kecuali kita belajar bagaimana hendak menggunakannya untuk faedah kita sendiri dan untuk kebaikan hidup kita."

Dr Mahathir berkata sebagai alat memperkasakan masyarakat, ilmu juga seharusnya dapat menyumbang kepada keperluan ekonomi, sosial dan keselamatan mereka.

Perdana Menteri berkata ilmu pengetahuan bukan sesuatu yang statik kerana ia sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, oleh itu usaha mengejar ilmu hendaklah menjadi usaha yang berterusan.

Beliau berkata masyarakat Islam perlu mempunyai pakar dalam bidang tertentu seperti dalam pelbagai bidang sains, matematik dan perubatan.

"Dalam lingkungan masyarakat Islam, yang berjumlah kira-kira 1.3 bilion, setiap bidang ilmu pengetahuan boleh dicari, dan bidang baru mesti ditemui sepanjang masa.

"Dan sememangnya perlu ada sebilangan anggota masyarakat yang mencukupi yang mendalami ilmu agama, dan pembahagian tenaga dalam lingkungan ummah

seperti ini bukan sahaja akan memperkasakan masyarakat tetapi juga akan melahirkan masyarakat yang seimbang," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam juga mesti mempelajari cara-cara untuk mengguna ilmu pengetahuan seperti itu dan tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh mempelopori ilmu pengetahuan dan kegunaannya yang baru.

Beliau berkata jika umat Islam dapat melakukannya, maka mereka akan sekali lagi mengatasi yang lain seperti yang pernah mereka lakukan apabila umat Islam merintis dan menguasai banyak bidang pengetahuan.

Dr Mahathir berkata usaha mendapatkan pengetahuan dan disusuli dengan pemerolehan kemahiran untuk menggunakan pengetahuan itu akan mengambil masa yang lama.

"Kita harus ingat bahawa pengetahuan bukanlah statik. Ia sentiasa bergerak dan hari ini, kelajuan penemuan dan pembangunan pengetahuan baru adalah pesat," kata beliau.

Dr Mahathir mengimbas zaman kegemilangan umat Islam semasa Tamadun Islam dan bagaimana negara-negara Eropah mengambil masa beratus-ratus tahun untuk mencapai tahap itu.

"Mereka berjaya mencapai tahap itu dan terus mengatasi kita. Kita terpaksa menerima keperluan untuk berjuang bagi tempoh masa yang agak lama.

"Jika kita dapat bersedia untuk mengatasi semua masalah yang boleh menghalang pemerolehan pengetahuan dan jika kita cukup bersabar, insya-Allah, pengetahuan boleh memperkasakan kita.

"Tidak ada jalan singkat. Orang tertentu menunggu selama 2,000 tahun. Kita tidak perlu menunggu begitu lama jika kita memahami keperluan mendapatkan pengetahuan dan mengambil iktibar daripada sejarah," kata Dr Mahathir.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan para cendekiawan Islam tempatan dan antarabangsa.

Forum tiga hari itu dianjurkan sebagai forum tahunan bagi menggalakkan perbincangan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi Islam dalam dunia kontemporari.

-- BERNAMA

AKT AZZ RM NAK